



Sumbangan koperasi terhadap pembangunan sosial komuniti pekebun kecil sawit

Sarmila MS¹, Zaimah R¹, Rusyda Ramly¹, Novel Lyndon¹, Rosniza Aznie Che Rose¹, Nur Hanani Mansor², Zaki Aman², Nazirah Jaafar², Khairul Anwar Isnin²

¹Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,

²Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Correspondence: Sarmila MS (email: sarmila.mdsun@ukm.edu.my)

Abstrak

Penglibatan masyarakat dalam organisasi koperasi bukan sahaja dapat membantu mereka untuk mendapat manfaat ekonomi tetapi juga memberi ruang kepada aktiviti sosial yang dijalankan oleh pihak koperasi. Kajian ini bertujuan untuk menilai sumbangan sosial yang diberikan oleh Koperasi Penanaman Sawit Mampan terhadap ahli komuniti pekebun kecil sawit. Seramai 46 ahli Koperasi Penanaman Sawit Mampan (KPSM) Saratok telah terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen bagi mendapatkan data kajian dan analisa deskriptif telah dijalankan. Analisa ini merangkumi analisis min, kekerapan, peratusan serta sisihan piawai. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa koperasi KPSM Saratok telah memberi sumbangan sosial terhadap komuniti pekebun kecil sawit dari aspek peningkatan hubungan pekebun kecil sawit (PKS), peningkatan penglibatan komuniti dalam aktiviti sawit, pemantauan aktiviti pertanian komuniti, penyediaan peluang pekerjaan, peningkatan kemahiran dan kemudahan dalam pengurusan aktiviti.

Kata kunci: hubungan komuniti, pekebun kecil sawit, pembangunan sosial, pengurusan koperasi, sumbangan koperasi, sumbangan sosial

Contribution of cooperation to social development of palm oil small holders

Abstract

Community involvement in cooperative organizations will not only help them to gain economic benefit but also provide space for social activities carried out by the co-operatives. The study aims to assess the social contribution provided by the Sustainable Palm Oil Cooperative (KPSM) to members of the smallholder community. A total of 46 members of KPSM Saratok have been involved as respondents in this study. The questionnaire was used as the instrument for obtaining data which then being descriptively analysed. The analysis included mean analysis, frequency, percentage and standard deviation. The findings show that KPSM Saratok has contribute to the palm oil smallholder community in terms of enhancing the smallholders' relationships, enhancing the community's participation in palm oil activities, monitoring community agricultural activities, providing job opportunities, improving skills, facilities and the management of activities.

Keywords: community relationship, palm oil smallholder, social development, cooperation management, cooperation contribution, social contribution

Pengenalan

Kemunculan institusi koperasi adalah pada sekitar abad ke-18 di Eropah iaitu ketika berlakunya revolusi perindustrian. Pada ketika itu, masyarakat telah ditindas oleh golongan bangsawan yang mana berlakunya ketidakadilan dalam sistem pengagihan hasil kekayaan. Keadaan ini menyebabkan berlakunya peningkatan terhadap harga barang oleh pihak peniaga. Kesannya menyebabkan berlakunya kemerosotan taraf hidup masyarakat. Hal yang demikian telah mencetuskan kepada idea pergerakan koperasi di Eropah pada abad ke-19. Objektif utama institusi koperasi diperkenalkan adalah bertujuan bagi membantu untuk membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2014; Ortmann & King, 2007; Zeuli, 2005). Menurut *International Co-operative Alliance* (ICA, 1995), koperasi dirujuk sebagai satu persatuan autonomi yang ahlinya bersatu secara sukarela dan bertemu bagi memenuhi keperluan dan aspirasi ekonomi, sosial dan budaya. Ahlinya bertindak melalui struktur perkongsian bersama, secara demokratik dan terkawal.

Justeru itu, dalam membincangkan peranan koperasi Fairbairn (2003) telah tampil dengan menyatakan bahawa peranan koperasi bukan sahaja tertakluk kepada peningkatan pembangunan ekonomi namun ianya juga perlu meliputi pembangunan sosial bagi ahlinya. Pandangan Fairbairn ini turut disokong oleh United Nations (2009) yang telah menyatakan bahawa koperasi bukan sahaja meliputi bidang ekonomi sahaja namun, ianya turut melangkaui peranan sosial yang mana ianya berfungsi sebagai alat untuk meningkatkan hubungan komuniti di sesebuah kawasan. Penyertaan masyarakat dalam koperasi dapat memberi mereka kuasa untuk melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan ekonomi dan seterusnya membolehkan mereka untuk mendapat manfaat daripada aktiviti yang dijalankan oleh pihak koperasi (Innocent, 2014; Fairbairn, 2003). Sehubungan itu, kertas ini akan membincangkan sejauhmana sumbangan sosial yang dapat diberikan oleh pihak koperasi terhadap ahlinya dengan mengambil Koperasi Perladangan Sawit Mampan (KPSM) sebagai kajian kes.

Kajian literatur

Hubungan sesama komuniti

Penyertaan komuniti dalam institusi koperasi telah memberi peluang terhadap peningkatan hubungan sesama komuniti ahli. Hubungan ini dapat membina keperibadian, mencetus hubungan dalam perniagaan, meningkatkan perpaduan serta melahirkan sifat tanggungjawab di antara ahli yang merupakan penting dalam kejayaan sesebuah koperasi (Muhammad Shehu, 2014; Hansen et al., 2002). Hubungan ini juga dapat membantu komuniti ahli untuk terlibat dalam perundingan serta aktiviti kerjasama di antara komuniti yang dapat meluaskan pengaruh, pengawalan dan tanggungjawab sesama komuniti. Kesemua ini akan mempengaruhi keupayaan mereka untuk bertindak secara kolektif dan seterusnya memberi peluang kepada peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat (Majee, 2011). Kajian yang dilakukan oleh Syarifah Rohaya et al. (2013) terhadap koperasi negeri Sarawak telah mendapati, komunikasi yang baik diantara ahli dalam sesebuah koperasi merupakan pencetus kepada kejayaan koperasi di negeri tersebut. Manakala, kajian koperasi di Nigeria oleh Muhammad Shehu (2014) pula telah memperlihatkan bahawa kerjasama dikalangan masyarakat melalui koperasi dapat membantu bagi memenuhi keperluan mereka.

Peningkatan penglibatan komuniti

Kajian lepas juga mendapati antara peranan sosial pihak koperasi ialah menyatukan komuniti untuk menjadi sebuah kumpulan yang berupaya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Koperasi bukan sahaja telah menarik minat golongan tertentu sahaja tetapi ianya juga turut menarik dan memperkasakan peranan golongan wanita yang dilihat mampu untuk berinteraksi di antara satu sama lain

melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak koperasi untuk menjadikan golongan wanita ini berfikiran lebih terbuka dan mampu menjana pendapatan sendiri melalui aktiviti ekonomi yang dijalankan di kalangan mereka seperti penghasilan kraf tangan dan sebagainya (Tesfay et al., 2013). Koperasi pertanian telah menggalakkan penglibatan golongan wanita dalam sektor pengeluaran yang secara tidak langsung dapat membantu dalam pengeluaran makanan dan pembangunan luar bandar. Melalui koperasi, wanita juga dapat bersatu dan menyediakan rangkaian sokongan untuk mengatasi sekatan budaya untuk mengikuti aktiviti-aktiviti komersial atau ekonomi. Sebagai contoh penglibatan wanita dalam koperasi di Asia Selatan telah menjadikan wanita bebas dalam ekonomi dan meningkatkan kedudukan mereka melalui penyertaan aktif dalam perniagaan serta pendedahan kepada pengalaman pengurusan dan latihan yang lain. Selain itu juga koperasi turut melibatkan penglibatan golongan belia untuk menyelesaikan masalah pengangguran melalui pemberian latihan dan kursus yang diberikan oleh pihak koperasi serta dapat menjana idea daripada belia (International Labour Office (ILO), 2012; United Nations, 2009).

Menyediakan peluang pekerjaan

Koperasi juga turut berperanan dalam menyumbang kepada peluang pekerjaan terutamanya di kawasan luar bandar dalam bidang pengurusan, pemasaran, pemprosesan dan jualan (ILO, 2015; Muhammad Shehu, 2014). Menerusi kajian oleh Ibitoye (2012) di koperasi Kogi, Nigeria pula peranan koperasi telah membuka peluang pekerjaan dalam bidang pertanian terhadap komuniti. Koperasi juga turut mampu membantu ahli untuk bekerja sendiri dan terlibat dalam aktiviti ekonomi sampingan yang dapat membantu komuniti untuk menyediakan keperluan asas serta menyara hidup mereka disamping membasmi masalah kemiskinan (Ibitoye, 2012; *United Nation*, 2009). Menerusi kajian yang dilakukan oleh Polat (2014) di Turki, penyediaan peluang pekerjaan dapat membantu komuniti untuk membasmi masalah kemiskinan pada suatu ketika dahulu yang tidak dapat diselesaikan oleh kerajaan.

Pemantauan aktiviti pertanian komuniti

Kajian Kareem et al. (2012) di Ijebu Ode, Nigeria mendapati koperasi dapat membantu dalam mempertingkatkan kebajikan ahli koperasi melalui pemantauan terhadap aktiviti pertanian komuniti. Menurutnya lagi organisasi ini dapat membantu ahli mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh komuniti. Penyertaan komuniti dalam koperasi juga turut dapat membantu mereka memantau hasil pertanian dari segi kualiti hasil pertanian yang mana secara tidak langsung dapat membasmi masalah kemiskinan melalui peningkatan kualiti hasil pengeluaran serta pasaran. Disamping itu, kajian ini juga mendapati koperasi dapat membantu komuniti menyelesaikan masalah dan memenuhi keperluan asas mereka. Selain itu, menurut laporan *United States Department of Agriculture* (Mather & Preston, 1990) koperasi juga dapat membantu komuniti mengurangkan kos perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan melalui pembayaran semula pengeluaran modal yang telah dikeluarkan oleh ahli mereka.

Kemudahan pengurusan aktiviti pertanian

Koperasi juga turut menyediakan kemudahan terhadap pengurusan aktiviti pertanian ahli yang merangkumi kemudahan rumah ladang, perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran serta rekreasi yang bertujuan untuk memudahkan komuniti menjalankan aktiviti (Ibitoye, 2012; Dung, 2011; Farahat, 2004). Selain itu, penubuhan koperasi luar bandar juga dapat membantu dalam menyediakan keperluan asas komuniti seperti bangunan, bahan api, peralatan dan utiliti (Mather & Preston, 1990). Bagi Farahat (2004) koperasi di Menoufiya Gevenorate, Mesir membantu ahli mereka menyediakan jentera pertanian, sama ada melalui penyewaan atau menawarkannya pada kadar kos yang rendah. Menurutnya lagi koperasi juga turut menubuhkan bengkel tetap atau mudah alih untuk ahli memperbaiki, menyelenggarakan dan membaik pulih pelbagai jenis mesin serta peralatan yang bertujuan untuk memastikan aktiviti mereka berjalan dengan sempurna. Kajian ini juga mendapati koperasi turut

menyediakan gudang atau peti sejuk yang bertujuan untuk menyimpan hasil tanaman dan memastikan hasil tanaman mereka terpelihara dengan baik. Disamping itu koperasi juga dapat membantu dalam menubuhkan satu unit yang mengawal, mengawasi dan memeriksa pentadbiran serta kewangan dalam koperasi.

Peningkatan kemahiran melalui pendidikan

Kajian di China oleh Garnevskaja et al. (2011) mendapati pendidikan adalah perlu diberi perhatian kerana kejayaan sesebuah koperasi adalah berdasarkan kepada ilmu pengetahuan ahli organisasi bagi memacu kejayaan koperasi tersebut. Komuniti yang tidak mendapatkan pendidikan yang sewajarnya akan menyukarkan proses untuk memantapkan sosioekonomi sesebuah koperasi. Koperasi dapat membantu komuniti koperasi dalam peningkatan kemahiran melalui pendidikan seperti ceramah dan kursus. Hal demikian bertujuan untuk membantu komuniti dari segi cara kerja mereka yang secara tidak langsung dapat menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan koperasi, penyebaran maklumat mengenai bidang pertanian, serta membangunkan kerjasama yang mantap melalui motivasi yang diberikan oleh pihak koperasi (Awotide, 2012; Ibitoye, 2012; Henenan et al., 2011; United Nations, 2009). Kajian di Kogi, Nigeria mendapati koperasi berperanan untuk penyebaran maklumat mengenai amalan moden dalam bidang pertanian. Amalan moden ini dapat memudahkan petani-petani kecil untuk menjalankan penanaman sehingga ke proses pemasaran hasil tanaman mereka. Selain daripada itu, beliau juga turut menyatakan koperasi turut menyediakan pendidikan yang membantu para ahli dalam bidang pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran hasil pertanian. Menurut beliau lagi, komuniti koperasi bukan sahaja menerima pendidikan mengenai pertanian tetapi mereka turut diberikan pendedahan mengenai perancangan keluarga dan latihan bagi kanak-kanak di negara ini yang mana menurut beliau tahap pendidikan yang tinggi menggalakkan komuniti memiliki minda lebih terbuka untuk menerima pelbagai inovasi dan dapat meningkatkan produktiviti dari masa ke masa (Ibitoye, 2012)

Metodologi kajian

Kajian ini dijalankan di kalangan pekebun kecil sawit yang telah menjadi ahli KPSM Saratok, Sarawak. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah survei. Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrument pengutipan data yang telah diedarkan kepada semua ahli KPSM Saratok. Borang soal selidik yang lengkap telah diterima daripada 46 ahli KPSM Saratok sebagai responden kajian. Borang soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A adalah berkaitan maklumat demografi responden manakala bahagian B mempunyai enam komponen yang mengukur sumbangan koperasi terhadap pembangunan sosial komuniti PKS yang merujuk kepada peningkatan hubungan PKS, peningkatan penglibatan komuniti, pemantauan aktiviti pertanian komuniti, menyediakan peluang pekerjaan, peningkatan kemahiran melalui pendidikan dan kemudahan pengurusan aktiviti komuniti ahli.

Data soal selidik telah dianalisa secara deskriptif dengan melihat peratusan dan purata min serta sisihan piawai melalui bantuan perisian SPSS. Hasil purata min setiap elemen akan di tentukan tahapnya berdasarkan kepada skala tahap julat skor min oleh Landell (1997). Berdasarkan skor min Jadual 1, 1.00 sehingga 2.39 di klasifikasi pada tahap rendah di ikut pula dengan min 2.40 sehingga 3.79 yang berada pada tahap sederhana. Manakala bagi tahap tinggi pula adalah pada sekitar julat 3.80 sehingga 5.00.

Jadual 1. Julat Skor Min

Kod Kumpulan	Julat	Tahap
1	1.00-2.39	Rendah
2	2.40-3.79	Sederhana
3	3.80-5.00	Tinggi

Sumber: Landell, 1997

Hasil kajian dan perbincangan

Latar belakang responden

Jadual 2 menunjukkan maklumat demografi responden. Hasil kajian mendapati majoriti ahli KPSM Saratok adalah golongan lelaki iaitu sebanyak 89.1 peratus dan selebihnya adalah golongan wanita berdasarkan maklumat ahli KPSM yang menjadi responden kajian. Majoriti ahli KPSM ini juga adalah tergolong dalam peringkat umur 50 sehingga 59 tahun (32,6%) manakala mereka dalam lingkungan umur 70 tahun ke atas hanyalah 2.2%. Majoriti ahli mempunyai pendapatan dalam lingkungan RM 1,000 hingga RM 2,000 (47.8%) manakala selebihnya mempunyai pendapatan sekitar RM 3,000 hingga RM 4,000 (19.6%) sebulan. Majoriti daripada mereka juga mengusahakan tanaman kelapa sawit ini di atas tanah persendirian (93.5%) manakala yang selebihnya adalah tanah keluarga (4.3%) dan tanah pajak (2.2%).

Jadual 2. Latar Belakang Responden

Profil	Kekerapan	Peratus (%)
<i>Jantina</i>		
Lelaki	41	89.1
Perempuan	5	10.9
<i>Umur responden</i>		
20-29 tahun	4	8.7
30-39 tahun	10	21.7
40-49 tahun	8	17.4
50-59 tahun	15	32.6
60-69 tahun	8	17.4
70 tahun ke atas	1	2.2
<i>Pendapatan Sebulan</i>		
<1,000	12	26.1
1,000 – 2,000	22	47.8
3,000 – 4,000	9	19.6
5,000 ke atas	3	6.5
<i>Status Tanah</i>		
Sendiri	43	93.5
Pajak	1	2.2
Keluarga	2	4.3

Sumbangan KPSM terhadap pembangunan sosial PKS

Hasil kajian ini meneliti sumbangan sosial KPSM terhadap komuniti ahli melalui elemen peningkatan hubungan PKS, peningkatan penglibatan komuniti, pemantauan aktiviti pertanian komuniti, menyediakan peluang pekerjaan, peningkatan kemahiran melalui pendidikan dan kemudahan pengurusan aktiviti komuniti ahli (Jadual 3).

Peningkatan hubungan PKS

Elemen peningkatan hubungan PKS menunjukkan purata min keseluruhan adalah sebanyak 3.80. Penelitian terhadap indikator-indikator yang mewakili elemen ini mendapati indikator berkaitan i) PKS dapat mengenali lebih ramai PKS yang lain melalui penglibatan sebagai ahli koperasi dengan skor min yang tinggi iaitu 4.45. Manakala menerusi indikator ii) PKS mempunyai hubungan yang baik dengan ahli koperasi yang lain dan iii) ahli lembaga koperasi, iv) penyediaan tempat untuk ahli berkumpul dan bermesyuarat, v) koperasi membantu ahli untuk bertukar-tukar pandangan mengenai proses penanaman serta vi) penyediaan saluran kepada ahli untuk menyuarakan masalah mereka menyumbang kepada skor min yang sederhana iaitu di antara 3.84 sehingga 3.67 masing-masing. Namun begitu secara keseluruhan kajian ini menunjukkan hubungan di KPSM Saratok berada pada tahap yang tinggi berdasarkan hasil skor purata. Jika dilihat menerusi kajian-kajian lepas, peningkatan hubungan sesama PKS ini menunjukkan tahap penyertaan komuniti dalam institusi koperasi yang antaranya bertujuan untuk mencari kepuasan sosial dengan menjadi ahli koperasi. Selain dari itu, kajian lepas juga menunjukkan interaksi antara komuniti ahli, membina keperibadian, dapat menjalinkan hubungan perniagaan terhadap komuniti mereka, meningkatkan perpaduan serta dapat melahirkan sifat tanggungjawab diantara satu sama lain. Perkara ini telah dibincangkan oleh Muhammad Shehu (2014) serta Hansen et al. (2002).

Jadual 3. Sumbangan Sosial Terhadap Pekebun Kecil Sawit


Perkara	Purata Min	Tahap
Peningkatan hubungan PKS	3.80	Tinggi
Peningkatan penglibatan komuniti	3.58	Sederhana
Pemantauan aktiviti pertanian komuniti	3.56	Sederhana
Menyediakan peluang pekerjaan	3.44	Sederhana
Peningkatan kemahiran melalui pendidikan	3.42	Sedarhana
Kemudahan pengurusan aktiviti komuniti ahli	3.24	Sedarhana

Penglibatan komuniti dalam industri sawit

Menerusi hasil kajian ini juga didapati penglibatan komuniti dalam industri sawit menunjukkan purata min keseluruhan sebanyak 3.58. Analisa terhadap indikator i) pengurusan koperasi mendorong komuniti setempat untuk terlibat dalam industri sawit dan ii) telah memberi peluang kepada pihak belia menceburi bidang perladangan sawit menyumbang kepada purata min yang tinggi iaitu sebanyak 3.93 dan 3.84. Bagi indikator iii) pengurusan koperasi telah memberi laluan kepada golongan wanita dalam industri sawit, iv) golongan wanita dilihat menjadi sebahagian ahli jawatankuasa koperasi sawit, v) pihak koperasi telah memberi peluang kepada pihak belia menceburi bidang perladangan sawit, vi) golongan belia bergiat aktif dalam industri sawit dengan wujudnya koperasi, vii) golongan belia menjadi sebahagian ahli jawatankuasa koperasi sawit, viii) golongan belia banyak memberi idea-idea yang bernas dalam mempertingkatkan kredibiliti koperasi dan ix) golongan belia bersedia meneruskan usaha sawit yang dilaksanakan oleh ketua keluarga telah menunjukkan skor min yang sederhana iaitu sebanyak 3.67 sehingga 3.10 masing-masing.

Justeru itu, hasil kajian ini menunjukkan bahawa elemen penglibatan komuniti dalam industri sawit berada pada tahap yang sederhana. Koperasi secara sederhana telah menarik minat dan memperkasakan golongan wanita yang dilihat mampu untuk berinteraksi di antara satu sama lain melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak koperasi untuk menjadikan golongan wanita ini berfikiran lebih terbuka dan mereka juga mampu menjana pendapatan sendiri melalui aktiviti ekonomi yang dijalankan di kalangan mereka seperti penghasilan kraf tangan dan sebagainya sebagaimana yang dibincangkan oleh Tesfay et al. (2013). Selain itu juga koperasi turut secara sederhana melibatkan golongan belia untuk menyelesaikan

masalah pengangguran melalui pemberian latihan dan kursus yang diberikan oleh pihak koperasi yang mana menurut ILO (2012) dapat membantu menjana idea daripada belia.



Rajah 1. Purata min sumbangan koperasi terhadap pembangunan sosial pekebun kecil

Pemantauan aktiviti pertanian komuniti

Hasil analisis kajian menunjukkan pemantauan aktiviti pertanian komuniti berada di bawah purata skor min yang sederhana iaitu 3.56. Analisa berkaitan i) pihak pengurusan koperasi dilihat sering turun padang untuk memantau prestasi perladangan komuniti, ii) memberi nasihat dan dorongan serta sokongan moral kepada PKS berkenaan pertanian, iii) pihak koperasi memberi perhatian mengenai hal kebajikan ahli koperasi dan penganjuran aktiviti bagi merapatkan hubungan antara ahli telah menunjukkan masing-masing skor min antara 3.73 sehingga 3.23. Bagi indikator iv) penganjuran perjumpaan atau mesyuarat oleh pihak koperasi bagi ahli pula menunjukkan ianya berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.84. Melihat kepada keseluruhan hasil ini, elemen ini berada pada tahap yang sederhana dalam menilai peranan koperasi terhadap pemantauan aktiviti pertanian komuniti. Menurut kajian Kareem et al. 2012 & Maertens 2014, penana ini secara tidak langsung dapat membasmi masalah kemiskinan melalui peningkatan kualiti hasil pengeluaran dan pasaran disamping dapat membantu komuniti menyelesaikan masalah dan memenuhi keperluan asas mereka.

Menyediakan peluang pekerjaan

Elemen penyediaan peluang pekerjaan pula menunjukkan hasil purata min yang sederhana iaitu sebanyak 3.44. Analisa berkaitan i) pihak koperasi membantu mewujudkan peluang pekerjaan lain dalam bidang perkebunan, ii) pengurusan pihak koperasi telah menarik minat lebih ramai untuk menjadikan bidang kelapa sawit sebagai bidang pekerjaan, iii) peluang pekerjaan dalam bidang perladangan sawit dapat membasmi masalah pengangguran setempat, iv) peluang pekerjaan di kampung dalam bidang ini lebih stabil, v) sumber pekerjaan yang wujud dalam industri sawit dapat membasmi kemiskinan setempat dan vi) keterlibatan koperasi dalam pengurusan sawit setempat mampu meningkatkan pendapatan para ahli telah menunjukkan hasil analisa min yang sederhana. Hasil ini menunjukkan organisasi KPSM masih berada pada tahap yang sederhana untuk memberi peluang kepada komuniti bekerja sendiri, membuka peluang pekerjaan dalam aktiviti ekonomi sampingan yang dapat membantu komuniti koperasi untuk menyediakan keperluan asas selain dari bantuan insentif bagi membolehkan mereka menyara hidup mereka serta membasmi masalah kemiskinan sebagaimana yang dibincangkan oleh Ibitoye (2012); United Nation (2009) & ILO (2007).

Peningkatan kemahiran melalui pendidikan

Hasil kajian menerusi elemen peningkatan kemahiran melalui pendidikan pula menunjukkan purata skor min yang sederhana iaitu sebanyak 3.42. Penelitian terhadap indikator pekebun kecil i) menghadiri ceramah yang dianjurkan oleh pihak koperasi menunjukkan ianya berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan purata min 3.80. Manakala bagi indikator ii) penganjuran bengkel peningkatan kemahiran tanaman dan mengenai selok belok tanaman oleh koperasi, iii) koperasi mengetengahkan teknik penanaman yang efisien kepada ahli, iv) memberi pendedahan teknikal kepada ahli, v) ahli koperasi mengaplikasikan teknik yang diperkenalkan oleh pihak koperasi, vi) memberi peluang kepada ahli untuk menghadiri kursus berkaitan tanaman, vii) program peningkatan kemahiran yang dijalankan oleh pihak koperasi dapat mempertingkatkan cara kerja pekebun sawit, viii) cara kerja yang diperkenalkan dapat meningkatkan hasil sawit, ix) pihak koperasi sentiasa membantu pekebun sawit memperbaiki cara kerja yang terdahulu serta melalui cara penanaman yang dijalankan dan x) PKS dapat melaksanakan proses tanaman yang baik (*good agriculture practice*) menunjukkan purata min yang sederhana iaitu di antara 3.73 sehingga 2.91 masing-masing. Sehubungan itu, dapatan kajian menunjukkan sumbangan yang sederhana apabila membincangkan tentang sumbangan koperasi dalam membantu komuniti untuk memupuk cara kerja berkualiti melalui pendidikan seperti ceramah dan kursus yang bertujuan untuk meningkatkan cara kerja mereka sebagaimana yang dibincangkan oleh pengkaji lepas. Begitu juga dalam aspek sumbangan yang berkesan dalam memberi kesedaran untuk pendidikan kepada anak-anak, peningkatan penyebaran maklumat mengenai bidang pertanian, serta membangunkan kerjasama yang mantap melalui motivasi yang diberikan oleh pihak koperasi sebagaimana yang dibincangkan oleh kajian Ibitoye (2012), Awotide (2011), Henenan et al. (2011), dan juga United Nations (2009).

Kemudahan pengurusan aktiviti komuniti ahli

Penelitian terhadap elemen kemudahan pengurusan aktiviti komuniti ahli menunjukkan ianya berada pada tahap yang sederhana dengan purata skor min sebanyak 3.24. Elemen ini diuji melalui indikator i) koperasi membantu menyediakan kemudahan untuk permohonan lesen kepada pekebun kecil dan ii) koperasi memudahkan ahli berurusan dengan pihak MPOB untuk urusan tanaman dengan skor min yang tinggi iaitu 3.82 dan 4.00. Selain itu indikator iii) koperasi membantu ahli untuk membuat dokumentasi yang diperlukan oleh ahli dan ahli koperasi sering menggunakan kemudahan pengangkutan yang disediakan oleh pihak koperasi untuk menghantar BTS ke pusat timbang berada pada tahap yang sederhana iaitu sebanyak 2.36 dan 2.91. Namun, bagi indikator iv) pihak koperasi memudahkan ahli berurusan dengan pihak bank untuk melakukan pinjaman kewangan pula berada pada tahap yang rendah iaitu dengan min sebanyak 2.36. Analisis kajian ini juga berbeza dengan kajian lepas yang mendapati koperasi menyediakan kemudahan pengurusan aktiviti oleh koperasi kepada ahli melalui penyediaan infrastruktur seperti rumah ladang, perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran serta kemudahan rekreasi yang bertujuan untuk memudahkan komuniti menjalankan aktiviti (Ibitoye, 2012; Dung, 2011; Farahat, 2004).

Rumusan

Hasil kajian ini mendapati bahawa kesemua elemen sumbangan sosial organisasi koperasi berada pada tahap julat yang sederhana kecuali elemen sumbangan dalam meningkatkan hubungan diantara PKS. Dapatan hasil ini berkemungkinan dipengaruhi oleh faktor penubuhan koperasi yang baru. Manakala faktor sosial yang tinggi ini adalah disebabkan oleh hubungan yang rapat di antara ahli koperasi KPSM di Saratok. Hubungan yang rapat ini menunjukkan potensi untuk peningkatan kerjasama diantara para ahli dalam menjayakan sesuatu program yang dijalankan oleh pihak koperasi. Faktor ini perlu dijadikan modal

bagi menambah baik sumbangan sedia ada yang dilaksanakan oleh koperasi dan seterusnya meningkatkan sumbangan sosial koperasi kepada komuniti.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh Dana Penyelidikan Endowment MPOB-UKM EP-2014-015 Sumbangan koperasi kepada pembangunan komuniti pekebun kecil: Kajian kes koperasi penanam sawit mampan (KPSM).

Rujukan

- Andrews AM (2015) Report survey of cooperative capital. *International Co-operative Alliance*.
- Awotide DO, Aihonsu JOY, Adekoy AH (2012) Cooperative societies' effectiveness in credit delivery for agricultural enterprises in Ogun State, Southwest Nigeria. *Asian Journal of Business and Management Science* **23**, 74-79.
- Bibby A, Shaw L (2005) *Making a difference co-operative solutions to global poverty*. Cooperative College, London.
- Dung (2011) Characteristic of the agricultural cooperatives and its service performance in Bac Ninh Province, Vietnam. *International Society for Southeast Asian Agricultural Science Journal* **17**, 68-79.
- Fairbairn B (2003) *Three strategic concepts for the guidance of co-operatives: Linkage, transparency and cognition*. University of Saskatchewan, Canada.
- Farahat Abdel (2004) *Role of agricultural cooperatives in agricultural development the case of Menoufiya Governorate, Egypt*. Institute for Agricultural Policy, Market Research and Economic Sociology, Bonn University [Cited 25 May 2017]. Available from: <http://www.hss.ulb.uni-bonn.de>.
- Garnevskaya E, Guozhong Liu, Shadbolt (2011) Factors for successful development of farmer cooperatives in Northwest China. *International Food and Agribusiness Management Review* **14**, 69-84.
- Hansen MH, Morrow JR, Batista JC (2002) The impact of trust on cooperative membership retention, performance, and satisfaction: An exploratory study. *International Food and Agribusiness Management Review* **5**, 41-59.
- Henehan BM, Hardesty S, Shultz M, Wells J (2011) New cooperative development issues. *The Magazine of Food, Farm and Resource Issues: 3rd Quarter* **26**. Agriculture & Applied Economics Association Publication.
- Ibitoye SJ (2012) Survey of the performance of agricultural cooperative societies in Kongi State, Nigeria. *European Scientific* **8**, 98-114
- International Cooperative Alliance (1995) ICA adopts new co-operative principles. *Bulletin Federation of Victoria Ltd* **2**, 1-4.
- Innocent Y, Adefila JO (2014) Farmers' cooperatives and agricultural development in Kwali Area Council Federal Territory Abuja, Nigeria. *International Journal of Humanities and Social Science* **4**, 1-9.
- International Labour Office (2015) Cooperatives and the sustainable development goals a contribution to the post-2015. *Development Debate a Policy Brief*.
- Choi JH (2006) Agriculture cooperatives in Korea. *FFTC-NACF International Seminar on Agricultural Cooperatives in Asia: Innovations and Opportunities in the 21st Century, Seoul, Korea*, hlm. 4-20.
- Kareem RO, Arigbabu YD, Akintaro JA, Badmus MA (2012) The impact of co-operative society on capital formation a case study of Temidere co-operative and thrift- society, Ijebu- Ode, Ogun State, Nigeria. *Global Journal of Science Frontier Research Agriculture and Veterinary Sciences* **12**, 18-29.

- Kolade, Harpham T (2014) Impact of cooperative membership on farmers' uptake of technological innovations in Southwest Nigeria. *Development Studies Research* **11**, 340-353.
- Kumar, Wankhede KG, Gena HC (2015) Role of cooperatives in improving livelihood of farmers on sustainable basis. *American Journal of Educational Research* **3**, 1258-1266.
- Landell K (1997) *Management by menu*. Wiley & Sons Inc, London.
- Majee W (2011) Cooperatives and community development: A perspective on the use of cooperatives in development. *Journal of Community Practice* **19**, 48-61.
- Mather JW, Preston HJ (1990) Farmer of cooperatives in the United States: Cooperative Information Report 1 Section 3. *United States Department of Agriculture Rural Business-Cooperatives Service*.
- Muhammad Shehu Hussain (2014) The role of cooperative organizations in rural community development in Nigeria: Prospects and challenges. *Academic Research International* **5**, 189-197.
- Nugussie WZ (2010) Why some rural people become members of agricultural cooperatives while others do not. *Journal of Development and Agricultural Economics* **2**, 138-144.
- Nurjihan Idris, Fatimah Mohamed Arshad, Alias Radam, Noor Azman Ali (2013) Determining the elements in supply chain model of the Malaysian agricultural co-operatives. *Malaysian Journal of Co-operative Studies* **9**, 1-14.
- Ortmann GF, King RP (2007) Agricultural cooperatives: History, theory and problems. *Agrekon* **46**, 17-29.
- Pischke JDV, Rouse JD (2004) New strategies for mobilizing capital in agricultural cooperatives, Food and Agriculture Organization of the United Nations, Rome [Cited 17 June 2017]. Available from: <http://www.fao.org>.
- Polat H (2014) Cooperative response to unemployment in rural and urban turkey. *Co-operatives' Power of Innovation. Quebec*.
- Prakash D (2003) Development of agricultural cooperatives - Relevance of Japanese experiences to developing countries. *Paper presented at the 14th ICA-Japan International Training Course on Strengthening Management of Agricultural Cooperatives in Asia*.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia (2014) *Statistik Koperasi*. [Cited 9 May 2017]. Available from:<http://www.skm.gov.my>.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia (2015) *Gerakan Koperasi* [Cited 15 May 2017]. Available from:<http://www.skm.gov.my>.
- Syarifah Rohaya Wan Idris, Yusman Yacob, Frank Meol Abdullah, Mohd Suandi Mortadza, Mohd Haswardi Morshidi (2013) Faktor-faktor kritikal kejayaan perniagaan kedai runcit koperasi di negeri Sarawak. *Malaysian Journal of Co-operative Studies* **9**, 93-114.
- Tesfay A, Tadele H (2013) The role of cooperatives in promoting socio-economic empowerment of women: Evidence from multipurpose cooperative societies in South Eastern Zone of Tigray, Ethiopia. *International Journal of Community Development* **1**, 1-11.
- Tomaquin RD (2014) The impact of cooperatives as an economic and social institution in the fishing villages of Surigao del Sur (Philippines). *American International Journal of Research in Humanities, Arts and Social Sciences* **5**, 26-30.
- United Nations (2009) Cooperatives in social development: Report of the secretary-general. *United Nations General Assembly*.
- Yeop Husin Bidin (2007) Positioning knowledge management as key success factor in the growth of cooperative in Malaysia. *Asian Academy of Management Journal* **12**, 69-82.
- Zarafshani, Rostamitobar F, Hosseininia GH (2010) Are agricultural cooperatives successful? A case study in West Iran. *American-Eurasian Journal of Agriculture and Environmental Science* **8**, 482-486.
- Zeuli K, Radel J (2005) Cooperatives as a community development strategy: Linking theory and practice. *The Journal of Regional Analysis & Policy* **35**, 44-54.
- Zeuli K (2002) The role of cooperatives in community development: Center for cooperatives. *University of Wisconsin-Extension: Bulletin* **3**, 1-4.